

KAJIAN TENTANG REKA BENTUK SENI BINA MASJID WARISAN

MELAYU DALAM PENGHASILAN KARYA SENI CATAN

NUR SYAFFIQAH BINTI ISMAIL

C17A0243

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UNIVERSITI

2021

MALAYSIA

KELANTAN



**KAJIAN TENTANG REKA BENTUK SENI BINA MASJID WARISAN
MELAYU DALAM PENGHASILAN KARYA SENI CATAN**

NUR SYAFFIQAH BINTI ISMAIL

C17A0243

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda

Teknologi Kreatif (Seni Halus) dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2021

Penghargaan

Bersyukur saya kepada Allah yang Maha Esa kerana saya telah berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada penyelia iaitu Dr. Yuhanis Bin Ibrahim memberikan tunjuk ajar di dalam menyiapkan projek penyelidikan akademik ini. Segala ilmu yang diberikan akan menjadi bekal pada masa hadapan dan semoga dapat memberi banyak manfaat.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada adik-beradik dan kawan-kawan saya yang banyak memberi perkongsian maklumat dalam proses menyiapkan penyelidikan ini secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada keluarga kerana dengan nasihat dan sokongan mereka yang tidak henti dalam memberikan semangat kepada diri saya. Akhir sekali, saya juga ingin meminta maaf di atas segala kekurangan, kelemahan serta terlanjur bicara kepada semua pihak yang terlibat dalam proses saya melaksanakan projek penyelidikan ini.

Nur Syaffiqah Bt Ismail

Abstrak

**Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Kelantan sebagai memenuhi sebahagian syarat
untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Seni Halus) dengan Kepujian**

Kajian Tentang Reka Bentuk Seni Bina Masjid Warisan Melayu Dalam Penghasilan Karya Seni Catan

NUR SYAFFIQAH BINTI ISMAIL

2021

Penyelia Utama : Dr Yuhanis Bin Ibrahim, Ph.D

Fakulti : Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Sejak zaman dahulu, kepelbagaian gaya dalam reka bentuk masjid menunjukkan idea masyarakat yang mempunyai pemikiran yang kreatif dengan berpandukan ajaran agama islam. Kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan reka bentuk seni bina warisan yang digunakan pada Masjid Kg Laut, Kelantan. Hal ini demikian kerana, reka bentuknya tidak pernah diubah sejak dahulu lagi. Masjid Kampung Laut merupakan sebuah masjid yang terletak di Kampung Nilam Puri, sebuah petempatan kira-kira 11 kilometer (6.8 batu) dari Kota Bharu, ibu negeri Kelantan, Malaysia. Masjid ini dibina pada abad ke-18 Masihi dan merupakan masjid yang tertua di Malaysia serta di Asia Tenggara. Masjid Kampung Laut dibina tanpa menggunakan sebarang paku. Selain itu juga masjid Kg Laut ini dikategorikan masjid yang tertua. Selain itu, beberapa kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji iaitu mengenalpasti, menganalisis dan menghasilkan karya peribadi dengan menerapkan unsur reka bentuk seni bina masjid sebagai isu utama dalam menghasilkan karya catan.

Kata kunci : Reka bentuk seni bina, masjid warisan melayu, seni catan.

ABSTRACT

This thesis is submitted as fulfilling part of the requirements for the award of the Bachelor of Creative Technology (Fine Arts) with Honors

Study on Architectural Design Mosque Malay Heritage In the Production of Paintings

NUR SYAFFIQAH BINTI ISMAIL

2021

Principal Supervisor : Dr Yuhanis Bin Ibrahim, Ph.D

Faculty : Faculty of Creative Technology and Heritage

Since ancient times, the diversity of styles in the design of mosques shows the idea of a society that has a creative mind guided by the teachings of Islam. This study aims to examine the use of heritage architectural design used in the Kg Laut Mosque, Kelantan. This is because, the design has never been changed since long ago. Kampung Laut Mosque is a mosque located in Kampung Nilam Puri, a settlement about 11 kilometers (6.8 miles) from Kota Bharu, the capital of Kelantan, Malaysia. This mosque was built in the 18th century AD and is the oldest mosque in Malaysia and in Southeast Asia. The Kampung Laut Mosque was built without using any nails. In addition, the Kg Laut mosque is categorized as the oldest mosque. In addition, some of the methods that have been used by researchers are to identify, analyze and produce personal works by applying the elements of architectural design of the mosque as the main issue in producing paintings.

Keywords: Architectural design, the Malay heritage mosques, paintings.

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil daripada kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama Pelajar : Nur Syaffiqah Binti Ismail

No Matriks : C17A0243

Tarikh :

Disahkan Oleh :

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia :

Cop :

Tarikh :

ISI KANDUNGAN

BAB 1	1
PENGENALAN	1
1.0 Latar Belakang.....	1
1.1 Pernyataan Masalah	4
1.2 Persoalan Kajian.....	6
1.3 Objektif Kajian.....	7
1.4 Istilah Penting.....	8
1.5 Hipotesis.....	11
1.6 Skop Kajian.....	12
1.7 Manfaat Kajian.....	13
BAB 2	14
KAJIAN LITERATURAL	14
2.0 Pengenalan.....	14
2.1 Reka Bentuk seni bina	14
2.2 Masjid Warisan Melayu	18
2.3 Seni Catan	20
2.4.1 Yong Mun Seng	22
2.4.2 Abdullah Arif	23
2.4.3 Ruzaika Omar Basaree	24
BAB 3	26
METODOLOGI.....	26
3.0 Pengenalan.....	26
3.1 Jenis Data	27
3.1.1 Data Sekunder.....	27
3.2 Alat untuk memperoleh data.....	27
3.3 Diagram Carta Alir Kajian Penyelidikan.....	28
3.4 Diagram Proses Kajian Penyelidikan	29
BAB 4	29
ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	30
4.1 Pengenalan.....	30
4.2 Dapatan Kajian	30

4.2.1	Soal Selidik	30
4.3	Proses Penghasilan Karya.....	42
4.3.1	Subjek Matter.....	42
4.3.2	Konsep Reka Bentuk.....	43
4.3.3	Bahan Yang Digunakan.....	44
4.3.4	Lakaran awal	47
4.4	Hasil Karya Akhir	48
BAB 5		49
KESIMPULAN		49
5.1	Pendahuluan	49
5.2	Kesimpulan.....	49
Rujukan		51

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

RAJAH	KETERANGAN	HALAMAN
1.1	Siri Dungun-Jendela Terbuka (1978)	3
2.1	Yong Mung Seng-Beach Hut, 1949	21
4.1	Jumlah bagi soalan “Reka bentuk masjid pada warisan adalah sama dengan reka bentuk masjid pada hari ini”	37
4.2	Jumlah bagi soalan “Reka bentuk sesebuah masjid mempengaruhi masyarakat untuk datang ke masjid”	38
4.3	Jumlah bagi soalan “Reka bentuk sesebuah masjid dapat menarik minat masyarakat islam dan bukan islam”	39
4.4	Jumlah bagi soalan “Reka bentuk masjid perlulah mengekalkan reka bentuk yang berasaskan warisan melayu”	40
4.5	Kanvas bersaiz 2x3 kaki	44
4.6	Warna Arkirilik yang digunakan	45
4.7	Plate untuk membancuh dan mencampur warna	45
4.8	Berus pelbagai saiz	46
4.9	Perkembangan idea	47
4.10	Lakaran Akhir	47
4.11	Karya akhir	48
CARTA		
4.1	Peratusan berdasarkan jantina	31
4.2	Peratusan berdasarkan kategori umur	32
4.3	Peratusan berdasarkan soalan “Berikan kefahaman anda tentang seni bina islam”	33
4.4	Peratusan berdasarkan soalan “Nyatakan minat anda terhadap seni bina islam”	34
4.5	Peratusan berdasarkan soalan “Seni bina islam dapat menarik minat semua orang, samada islam atau bukan islam”	35
4.6	Peratusan berdasarkan soalan “Anda dapat memahami tentang unsur penting dalam penghasilan karya yang berunsurkan seni bina islam”	36

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang

Keindahan seni ukir yang terdapat pada bahagian dalam dan luar rekabentuk masjid menjadikan ia sangat dikagumi oleh setiap lapisan masyarakat. Ini kerana pada suatu ketika dahulu masjid dibina berpandukan persekitaran sesuatu tempat. Setiap masjid yang dibina memaparkan nilai budaya yang diamalkan oleh masyarakat serta pengaruh luar. Bentuk masjid terawal selepas abad kelima belas menunjukkan unsur di antara senibina Hindu yang banyak digunakan selepas kedatangan Islam (Abdul Halim Nasir 1995). Pengaruh agama hindu dikenalpasti ciri tersebut selepas penyelidikan terhadap masjid dijalankan.

Pembentukan budaya yang berbeza menghasilkan senibina masjid yang unik dan menarik minat para pelancong melalui identiti yang dipaparkan. Ini kerana setiap masjid yang dibina akan memberi perhatian kepada orang ramai yang ingin melihat dan menghayati keindahan senibina Islam. Oleh itu penggunaan identiti sangat penting bagi menunjukkan ketinggian budaya tempatan dalam transformasi kepada rekabentuk dan reka corak khususnya pada mimbar masjid. Perkembangan sains dan teknologi seharusnya tidak menjadi halangan kepada perkembangan seni budaya Melayu Islam dalam mengetengahkan masjid tempatan. Jika dibandingkan masjid tempatan dan luar negara kebiasanya masjid luar tidak malu mengetengahkan budaya bangsa. Ia dapat dilihat pada rekabentuk masjid mahupun mimbar.

Masjid dan bangunan pentadbiran yang memperlihatkan rupa bentuk kubah dan berhias ala Ottoman atau Abbasiah menjadi bukti kepincangan pemikiran pemikiran seni bina yang tidak dapat bergerak melampaui tradisi regresif. Masjid juga merujuk kepada sebuah institusi dan bangunan yang telah lahir sejajar dengan kedatangan islam, iaitu agama yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w. Namun

begitu, istilah masjid ini sendiri sebenarnya bukan hanya sekadar bangunan yang difahami yang masyur dewasa ini, malah mempunyai pelbagai pemikiran dan peranan yang berbeza-beza.

Terdapat pelbagai takrifan dan istilah yang telah diterjemah sama ada didalam kamus, istilah daripada para ulama', cendekiawan dan sebagainya.Berdasarkan daripada sumber internet, terdapat beberapa makna dan definisi sebenar masjid yang datang dari pelbagai sumber. Masjid merupakan tempat untuk sujud, dan biasanya yang berukuran kecil turut disebut dan dipanggil sebagai musholla atau surau. Selain itu, masjid juga dijadikan pusat kehidupan komuniti muslim. Selain itu, aktiviti-aktiviti atau kegiatan yang berunsurkan agama, seperti, kajian agama, ceramah, belajar al-Quran dan lain-lain turut dijalankan di masjid.Perkataan masjid dari sudut Bahasa didalam aspek bahasa adalah “Nama bagi tempat sujud dahi”, manakala dari sudut syara' merupakan “setiap tempat daripada permukaan bumi”, berdasarkan Hadis Riwayat Bukhari yang bermaksud “Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud). Selain itu, dari sudut istilah pula adalah “Tempat yang disediakan khas selama-lamanya untuk bersembahyang”.

Kajian ini merupakan pemerhatian terhadap reka bentuk seni bina masjid warisan melayu. Penulisan ini tertumpu kepada seni bina masjid warisan melayu yang terdapat pada Masjid Kg Laut. Penulisan ini dapat terinspirasi daripada karya seorang pengkarya seni yang bernama Ruzaika Omar Basaree yang bertajuk “Siri Dungun-Jendela Tertutup”(1978).

Pelukis mengolah karyanya dalam bentuk sebuah jendela rumah tradisi melayu. Tingkap yang sedikit terbuka menampakkan ia pada bentuk landskap. Ukiran tebuk lurus yang digunakan pada hiasan bahagian jendela menjadi perhatian yang utama dalam penulisan ini dimana pelukis menggunakan media “akrilik dan cat emulsion” bahagian atas kayu seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Siri Dungun – Jendela Terbuka (1978)

Tema karya yang dihasilkan oleh pelukis adalah “Seni Bina Tradisi Melayu”, namun pengkaji menerapkan tema ini kepada yang lebih spesifik iaitu masjid warisan Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji menunjukkan nilai yang ada pada karyanya iaitu dengan menonjolkan keindahan seni bina tempatan. Karya ini mengungkapkan rasa cinta dan menghargai identiti negara yang memuncak kepada tanah air.

1.1 Pernyataan Masalah

Reka bentuk dalam sesebuah seni bina sangat memberi pengaruh besar kepada hasil rupa hias bagi sesebuah tempat. Dalam penulisan ini, pengkaji memfokuskan kajian kepada reka bentuk seni bina sesebuah masjid. Masjid yang dikaji oleh penulis adalah Masjid Kg Laut, Kelantan. Dalam penulisan ini, penulis menegaskan kepada hasil reka bentuk warisan yang ada pada luaran serta perspektifnya. Hal ini kerana, reka bentuk seni bina tersebut yang berunsurkan tradisional dengan ukiran-ukiran yang ada pada luaran dan dalaman masjid berikut. Dalam kajian ini, penulis akan mengkaji unsur warisan melayu atau tradisional yang ada pada masjid tersebut dengan lebih terperinci. Hal ini adalah seperti mengakaji pembuatan dan pembinaan masjid tersebut.

Asas reka bentuk masjid Melayu dia alam melayu sebenarnya tidak jauh perbezaannya dengan asas reka bentuk masjid gaya hypostyle (Yunani kuno yang bermaksud dibawah lajur) / kubah tengah atau gabungan dengan yang keduanya. Selain daripada disebut sebagai masjid warisan, ia juga dikenali sebagai masjid tradisional. Masjid warisan ini dibina seawal sebelum berlakunya penjajahan. Masjid tradisional masih terikat dengan pengaruh iklim dan persekitaran seperti cuaca panas dan hujan lebat sepanjang tahun.

Perbincangan seni bina masjid akan menyentuh beberapa binaan yang menjadi ciri-ciri binaan masjid, iaitu bumbung/kubah, dewan sembahyang, mimbar, mihrab dan Menara. Masjid warisan dapat dikaitkan kepada beberapa aspek. Antaranya adalah dari segi bumbung/ kubah masjid itu sendiri. Bentuk bumbung pada masjid tradisional dikenali dengan bentuk atap tumpang kerana ia terdiri daripada beberapa lapisan bumbung yang dibina secara bersusun.

Selain itu, permasalahan daripada kajian ini juga adalah apabila terdapat pelbagai istilah dan makna yang datang dari pelbagai sumber. Hal ini kerana berlakunya pelbagai percanggahan pendapat daripada pelbagai sumber. Pengkaji dapat mengenalpasti makna yang paling tepat . Seterusnya adalah wujudnya permasalahan diantara kefahaman seni bina masjid dari sudut reka bentuk dalam menghasilkan kajian ini. Pengkaji mengkaji tentang seni bina masjid dari sudut pendekatan reka bentuk. Rata-rata tempat sekalipun, sememangnya mempunyai reka bentuk uniknya yang tersendiri. Namun, dalam penghasilan reka bentuknya tidak menjadi larangan kerana islam sendiri tidak pernah menetapkan jenis rupa mahupun bentuk yang khusus tentang sesebuah masjid yang akan dibina oleh pengikutnya asalkan tida bercanggah dengan agama islam.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan kajian, objektif utama tentang reka bentuk seni bina masjid warisan melayu, bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan seperti berikut :

- i) Bagaimanakan seni warisan melayu dapat ditonjolkan dalam reka bentuk seni bina masjid?
- ii) Apakah sebab-sebab yang jelas & tepat yang mempengaruhi reka bentuk sesebuah masjid?
- iii) Bagaimanakah kefahaman seni bina masjid dari sudut pendekatan reka bentuk?

1.3 Objektif Kajian

Objektif yang saya kaji berdasarkan kajian ini adalah seperti berikut :

- i) Mengenalpasti makna atau pengertian masjid dalam budaya islam.
- ii) Menganalisis unsur warisan melayu dalam reka bentuk Masjid Kg Laut, Kelantan.
- iii) Menghasilkan seni bina masjid dari sudut pendekatan reka bentuk.

1.4 Istilah Penting

Reka Bentuk Seni Bina

Reka dapat didefinisikan sebagai satu proses menghasilkan sesuatu ciptaan yang baru bermaksud dari ilham dan idea sendiri atau memperbaharui sesuatu yang lama menjadi sesuatu yang kreatif dan inovatif. Seterusnya, bentuk dapat didefinisikan sebagai sesuatu ciptaan yang menggunakan sains dan matematik dan melalui proses kejuteraan. Bentuk yang di maksudkan di sini ialah sesuatu yang dihasilkan untuk kegunaan ekonomi. Dalam proses menghasilkan reka bentuk memerlukan seorang pereka yang baik supaya dapat menghasilkan rekabentuk yang sempurna. Antara sifat-sifat seorang pereka yang baik ialah mempunyai sifat daya kreatif. Seseorang yang kreatif mempunyai kebolehan menghasilkan produk baru & idea-idea baru serta barang-barang baru. Selain itu, seorang pereka juga mempunyai sifat inovatif. Seseorang inovatif mempunyai kebolehan memperkenalkan sesuatu yang baru seperti idea-idea baru, cara-cara baru yang selalunya berguna untuk semua. Melalui sifat-sifat ini seorang pereka dapat menghasilkan satu rekabentuk yang baik. Terdapat ciri-ciri reka bentuk yang baik antaranya iaia berfungsi dengan baik dan cekap dan sangat ekonomikal dalam lingkungankekangan yang dikenakan. Namun, untuk menghasilkan reka bentuk yang baik terdapat kekangan yang perlu dihadapi oleh pereka. Kekangan yang dimaksudkan disini ialah suatu aturan yang terpaksa dipatuhi. Diantara kekangan utama dalam rekabentuk adalah kos, keboleharapan (reliability), keselamatan, prestasi, kehendak akta kilang dan jentera, pertimbangan sosiologi, pencemaran dan penggunaan tenaga.

Masjid Warisan Melayu

Bentuk dan perancangan masjid warisan melayu adalah diasaskan daripada reka bentuk masjid terawal di dunia Islam, yang mempunyai elemen seperti kubah tengah (central dome) dan sahn. Kebanyakan pandangan cendekiawan pada masa kini bersifat lebih regionalistik ataupun lebih nasionalistik dalam mengandaikan bahawa reka bentuk itu berdasarkan adaptasi reka bentuk kuil, rumah atau pondok lain dari Alam Melayu. Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu dihasilkan berdasarkan kajian yang menggunakan metodologi perbandingan terhadap reka bentuk masjid di Alam Melayu dan masjid-masjid di Timur Tengah. Merujuk kepada buku daripada Mastor Surat yang bertajuk reka bentuk masjid warisan melayu, penulis mengetengahkan buat pertama kalinya teori bahawa reka bentuk masjid bumbung meru yang dibangunkan di Alam Melayu adalah diasaskan daripada gagasan masjid di Timur Tengah dan Asia Tengah.

Teori ini amat berbeza daripada teori umum pada masa kini yang menganggap bahawa bentuk tipologi masjid tersebut datang secara langsung dari Alam Melayu yang diasaskan melalui idea tipologi kuil dan candi daripada kepercayaan Buddha, Hindu dan kepercayaan kuno atau animisme. Teori ini juga berbeza daripada pandangan popular bahawa bentuk tipologi segi empat sama berbumbung piramid atau meru ini diasaskan daripada tipologi rumah Jawa, wantilan, cungkup dan sebagainya.

Seni Catan

Catan adalah satu proses melukis dengan menggunakan bahan pewarna atau cat yang disapukan ke atas sesuatu permukaan. Alat atau media yang digunakan dalam proses ini adalah seperti cat air, cat minyak, dan cat akrilik. Catan biasanya akan digunakan atas kanvas, kertas atau apa sahaja media kering. Catan berfungsi untuk menceritakan sesuatu peristiwa dan sesuatu maksud perasaan atau padangan atau sebagainya. Catan juga membolehkan seseorang artis untuk meluahkan perasaan dan merakamkan gambaran pemikiran melalui imej visual yang diterjemahkan dalam bentuk nyata atau abstrak.

UNIVERSITI
KELANTAN

1.5 Hipotesis

Berdasarkan persoalan kajian yang telah dikaji, terdapat beberapa andaian dan spekulasi yang dapat dikenalpasti berkaitan isu yang dikaji. Antaranya adalah :

- i) Reka bentuk seni bina biasanya digunakan pada setiap idea dalam menghasilkan sesbuah bangunan atau plan awal bagi memastikan bentuk, rupa dan hasilnya dapat dilihat dengan jelas. Jadi pada bahagian ini, pereka tersebut perlulah kreatif dalam memberikan sebarang idea-idea dalam menghasilkan produk dan juga idea- idea. Hal ini kerana, pereka juga akan dapat menghasilkan sesuatu reka bentuk yang baik.
- ii) Masjid warisan melayu juga disebut dan dikenali sebagai masjid tradisional. Hal ini kerana, warisan dan tradisional mempunyai maksud yang sama iaitu sesuatu gaya, teknik, rupa atau cara yang digunakan pada suatu ketika dahulu, digunakan lagi pada masa kini dan masih mengekalkan Teknik dan caranya.
- iii) Secara jelasnya,karya seni catan ini masih digunakan malah lebih banyak gaya yang dapat dihasilkan kerana masyarakat pada hari ini adalah rataratanya mempunyai pemikiran yang sangat kreatif. Dalam penghasilan karya seni catan ini, seseorang pengkarya atau penulis dapat menceritakan sesuatu peristiwa dan dapat menggambarkan ses sebuah perasaan atau pandangan kepada seni catan yang mereka hasilkan selain daripada meluahan perasaan dan merakamkan gambaran pemikiran mereka.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dibuat dalam skop pengaplikasian penggunaan reka bentuk terhadap seni bina yang terdapat pada perspektif bangunan masjid Kg Laut. Penggunaan hasil reka bentuk ini dapat menghasilkan bentuk yang jelas dalam hasil karya akhir pengkaji. Selain daripada bentuk tradisionalnya, ia juga memberi keselesaan kepada para jemaah dan tetamu di masjid. Selain itu, dalam skop ini pengkaji menggunakan isu reka bentuk terhadap seni bina masjid juga kepada karya akhir bagi memudahkan pengkaji untuk mengkaji setiap skop kajian yang dijalankan. Dalam mengkaji reka bentuk seni bina masjid ini juga, penulis dapat memperoleh lebih banyak ilmu baharu dan lebih memahami tentang reka bentuk islam yang sewajarnya dengan lebih mendalam dalam menghasilkan karya akhir dalam gaya realistik dengan menggunakan media campuran, seperti akrilik dan cat air. Pengkaji menjadikan masjid sebagai subjek utama kajian ini dan juga dalam menghasilkan karya akhir.

1.7 Manfaat Kajian

Penulisan ini mempunyai beberapa manfaat selain daripada untuk menjawab segala persoalan yang telah dinyatakan. Dalam penulisan ini pengkaji menyatakan bagaimana warisan melayu dapat ditonjolkan dalam reka bentuk yang ada pada masjid. Reka bentuk ini dapat ditunjukkan melalui hasil pembuatan yang menggunakan kayu pada keseluruhan bahagian masjid. Reka bentuk masjid tidak pernah ditetapkan dan ditentukan jenis rupa dan reka bentuknya, namun bergantung kepada permintaan daripada pemilik dan juga hasil daripada pereka. Jadi pada kajian kali ini saya menekankan konsep dimana reka bentuk sebuah masjid yang menggunakan kayu dan papan jelas menunjukkan reka bentuk warisan melayu pada masjid.

Selain itu, pengkaji juga telah mencari sebab-sebab yang wajar dan jelas berkaitan dengan reka bentuk yang mempunyai pengaruh kepada pembangunan dan pembinaan masjid. Para arkitek atau tukang rumah perlu mengikut beberapa perundangan alam yang bersifat saintifik dan beberapa kehendak politik dan kemampuan ekonomi di kawasan tersebut dan perlakuan manusia disitu.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Kajian literatur adalah bahagian pengumpulan data dan sumber-sumber yang diperolehi dan menjadi rujukan pada kajian kali ini. Pengkaji telah membuat rujukan berkaitan dengan kajian reka bentuk seni bina yang terdapat pada Masjid Kg Laut. Selain itu, pengkaji mengaitkan juga tentang seni bina masjid ini dengan penggunaan unsur warisan melayu yang digunakan dalam seni binanya berpandukan bahan bacaan seperti jurnal, buku, internet dan sebagainya. Tujuan utama kajian literatur ini untuk membantu mengukuhkan isi dan maklumat terhadap maklumat-maklumat berkaitan reka bentuk seni bina yang diperoleh.

2.1 Reka Bentuk seni bina

Reka bentuk biasa diterjemahkan sebagai seni terapan, seni bina, dan berbagai pencapaian kreatif lainnya. Dalam sebuah kalimat, kata "reka bentuk" boleh digunakan baik sebagai kata nama maupun kata kerja. Sebagai kata kerja, "reka bentuk" memiliki erti "proses untuk membuat dan menciptakan objek baru". Sebagai kata nama, "reka bentuk" digunakan untuk menyebut hasil akhir dari sebuah proses kreatif, sama ada sebagai sebuah rencana, kertas kerja, persembahan, permodelan atau berbentuk objek nyata. Proses perekaan pada umumnya memperhitungkan aspek fungsi, estetika dan berbagai macam aspek lainnya, yang biasanya datanya didapatkan dari kajian, pemikiran, perah otak, maupun dari reka bentuk yang sudah ada sebelumnya.

Pemahaman terhadap seni bina sangat penting kerana kekaburannya akan menyebabkan kajian terhadap aspek lain akan terjejas. Dalam pentafsiran maksud seni bina, ahli akademik, pemikir dan para profesional dalam bidang tersebut telah memberikan pelbagai makna mengenainya. Ada antara mereka yang mengatakan bahawa seni bina sekadar bangunan sahaja, atau ada juga yang menyatakan bahawa seni bina tersebut merupakan ciri yang wajib ada dan terdapat pada nilai sesebuah bangunan. Ada juga yang berpendapat bahawa seni bina merupakan jiwa bangunan dan tidak kurang pula yang menganggap seni bina hanya sekadar gaya rupa sahaja. Definisi seni bina boleh dikategorikan kepada seni dan bina.

Seni atau art pada asalnya ialah perkataan Latin yang difokuskan kepada kerja tangan atau ukiran. Definisi ini amat luas digunakan pada abad pertengahan khususnya yang berkaitan dengan kerja tangan atau aktiviti teknikal dan ukiran (Lois Lamya al-Faruqi, 1984). Perkataan bina pula, menurut Kamus Dewan ialah seni atau ilmu merancang, membentuk dan membina bangunan.

Ia juga boleh diistilahkan gaya sesuatu bangunan didirikan dan bentuk bangunan yang dibina pada zaman tertentu (Kamus Dewan, 2005). Pengertian ini turut dibincangkan dalam Oxford Dictionary yang mengistilahkan seni bina sebagai salah satu kesenian dalam mereka bentuk sesebuah bangunan termasuk gaya rupa sesuatu bangunan (Oxford Dictionary, 1988).

Islam merupakan agama yang lengkap dengan meletakkan konsep keimanan terhadap Allah s.w.t. yang menjadikan semesta alam. Kitab al-Quran diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. untuk dijadikan panduan dan pedoman sehingga akhir zaman tanpa mengira ras dan budaya sesuatu bangsa. Hal ini dapat dilihat dalam senario masyarakat di Nusantara yang menganut agama Islam dan mengamalkannya seperti mana masyarakat di Tanah Arab.

Sebagai contoh, apabila seorang arkitek Islam itu ingin membina sebuah masjid, perkara utama yang perlu difokuskan ialah perlunya mengetahui arah kiblat, di samping memahami fungsi masjid sebagai pusat tempat masyarakat berhimpun yang berasaskan ketakwaan kepada Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Jumuah : 9 yang bermaksud :Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah 9 (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkan lah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya). Menurut Hasan Mu'nis dalam tulisan yang dipetik dari Mohd Mokhtar Shaikh Ali, masjid dalam Islam adalah aspek fikrah dan roh. Hal ini kerana menurut sudut fikrah, telah pun ditetapkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. ketika baginda membina masjid yang pertama dan dimaksudkan roh pula ialah roh Islam yang menekankan terhadap keimanan kepada Allah s.w.t. (Mohd Mokhtar Sheikh Ali, 2003). Menurut Omer Spahic, seni bina Islam mempunyai hubungan yang erat dengan spiritual dan juga fizikal individu muslim. Beliau berkata ‘*Islamic architecture came about to facilitate, foster and stimulate to ceaseless ibadah (worship) practices of its users*’ (Omer Spahic, 2002).

Dalam perbahasan tersebut, beliau turut menyatakan seni bina itu sebagai frame work dalam melaksanakan tuntutan Islam untuk dijadikan dorongan bagi orang Islam dalam melaksanakan ibadah sama ada melalui ibadah harian atau ibadah-ibadah yang lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui bangunan masjid-masjid sebagai tempat ibadat utama masyarakat Islam yang boleh digambarkan sebagai identiti, budaya dan tamadun umat Islam itu sendiri. Begitu juga Ibn Abdun iaitu seorang hakim di Andalus pada abad ke-12 Masihi dalam tulisan yang dipetik oleh Stefano Bianca; ‘*as architecture is concerned, it is the haven where man's spirit, soul and body find refuge and shelter.*’ Oleh itu, seni bina juga dianggap sebagai salah satu tempat kediaman manusia yang juga tempat perlindungan melalui pembinaan bangunan-bangunan (Stefano Biancam, 2000).

Masjid Kampung Laut merupakan sebuah masjid yang terletak di Kampung Nilam Puri, sebuah petempatan kira-kira 11 kilometer (6.8 batu) dari Kota Bharu, ibu negeri Kelantan, Malaysia. Masjid ini dibina pada abad ke-18 Masihi dan merupakan masjid yang tertua di Malaysia serta di Asia Tenggara.[1] Masjid Kampung Laut dibina tanpa menggunakan sebarang paku.

Masjid ini dinamakan sempena Kampung Laut, sebuah kampung di tebing Sungai Kelantan dalam Jajahan Tumpat, yang mana terletaknya lokasi asal masjid tersebut sebelum iaanya dipindahkan ke tempat sekarang. Masjid bersejarah yang terselamat dari dua bencana banjir besar akan dipindahkan ke lokasi asalnya sebagai khazanah warisan Kelantan serta tarikan pelancongan.

Masjid Kampung Laut yang dibina berdasarkan kayu cengal serta menggunakan pasak dianggarkan berusia 300 tahun merupakan antara masjid tertua di Malaysia. Sebelum ini ia terletak di Kampung Laut, Tumpat namun dipindahkan ke Nilam Puri, di sini selepas tapak asalnya ditenggelami air.

Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob menjelaskan, urusan dan perbelanjaan pemuliharaan warisan ini dikendalikan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). "Kita bawa balik semula Masjid Kampung Laut ini yang penuh bersejarah ke tempat asalnya walaupun tapak asal sebenar berada dalam sungai, tetapi berdekatan, kerana disebut-sebut, sekiranya tidak bawa ke tempat asal, kita tak boleh rekod sebagai heritage (tapak warisan) bagi UNESCO."

"Warisan ni sangat berharga dan mungkin rujukan telah dibuat oleh pengkaji dan pereka berdasarkan masjid ini," katanya. Projek pemindahan Masjid Kampung Laut yang terkenal sebagai binaan bersejarah oleh UNESCO dan pereka binaan dijangka memakan belanja RM2 juta merangkumi kos pemuliharaan dan bina semula.


2.2 Masjid Warisan Melayu

Warisan atau tradisional bermaksud peninggalan atau tradisi dahulu yang masih menjadi ikutan samada dari segi fizikal atau ciri yang tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi daripada generasi terdahulu, dikekalkan pada masa kini serta dipelihara untuk generasi akan datang. Warisan-warisan ini termasuk senibina yang tampak ketara (misalnya bangunan, seni reka atau seni bina dan artifak), yang tidak ketara (seperti cerita rakyat, tradisi, bahasa, and pengetahuan), serta warisan semulajadi (termasuk ciri muka bumi dan biodiversiti yang penting).

Bentuk dan perancangan masjid warisan melayu adalah diasaskan daripada reka bentuk masjid terawal di dunia Islam, yang mempunyai elemen seperti kubah tengah (central dome) dan sahn. Kebanyakan pandangan cendekiawan pada masa kini bersifat lebih regionalistik ataupun lebih nasionalistik dalam mengandaikan bahawa reka bentuk itu berdasarkan adaptasi reka bentuk kuil, rumah atau pondok lain dari Alam Melayu.

Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu dihasilkan berdasarkan kajian yang menggunakan metodologi perbandingan terhadap reka bentuk masjid di Alam Melayu dan masjid-masjid di Timur Tengah. Merujuk kepada buku daripada Mastor Surat yang bertajuk reka bentuk masjid warisan melayu, penulis mengetengahkan buat pertama kalinya teori bahawa reka bentuk masjid bumbung meru yang dibangunkan di Alam Melayu adalah diasaskan daripada gagasan masjid di Timur Tengah dan Asia Tengah.

Masjid ini dibina dengan unsur seni bina Nusantara. Ia merupakan sebuah struktur asas dengan hanya empat tiang yang menyangga bumbung tiga tingkat yang diperbuat daripada daun rumbia. Keluasanya hanya 400 kaki persegi. Pada akhir abad ke-19, masjid ini menjadi satu pusat agama yang penting, dan masjid itu diperbesar untuk merangkumi bilik sembahyang tambahan, peran, serambi, dan menara. 20 batang tiang dibina untuk menyangga binaan tambahan ini. Binaan tambahan ini menggunakan teknik 'Tebuk-Pasak' yang amat unik. Ia dibina daripada kayu tetapi tidak menggunakan walau sepucuk paku sekalipun. Atap daun rumbianya ditukarkan kepada atap genting kerana atap genting lebih kukuh daripada atap rumbia



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.3 Seni Catan

Catan merupakan hasil seni bahantara warna pada permukaan yang rata seperti bahan legap atau kanvas. Catan biasanya dihasilkan dalam bentuk dua dimensi sahaja. Catan adalah salah satu hasil seni yang menggunakan media basah dan disapukan pada sesuatu pemukaan. Bahan warna yang biasa digunakan untuk menghasilkannya ialah cat air, cat minyak, poster colour atau akrilik. Bahan pewarna dari tumbuh-tumbuhan pula seperti kunyit, pinang, inai, senduduk juga boleh digunakan untuk menghasilkan catan. Selain daripada pewarna dan berus, peralatan dan bahan-bahan lain untuk menghasilkan catan juga dibenarkan jika ia boleh memberi kesan yang menarik dan menyeronokkan adalah digalakkan.

Catan selalunya berfungsi menceritakan sesuatu peristiwa atau memberitahu sesuatu maksud. Catan juga membolehkan seseorang artis meluahkan perasaan dan merakamkan gambaran pemikiran melalui imej visual yang diterjemahkan dalam bentuk nyata atau abstrak.

Cat akrilik adalah cat cepat kering yang mengandungi pigmen pewarna terampai dalam larutan emulasi resin akrilik. Cat akrilik boleh dilarutkan dengan air, tetapi menjadi tahan air apabila kering. Bergantung kepada banyak mana cat dilarutkan (dengan air) atau diubah suai dengan gel akrilik, media, atau pes, lukisan akrilik yang disiapkan mampu menyerupai cat air atau lukisan minyak, atau memiliki ciri cirinya yang unik yang tidak dapat dicapai melalui media lain.

Bahan warna dalam karya cat air ialah pewarna dalam bentuk kek atau tiub. Ia bersifat lut sinar, lembut dan boleh dibuat legap sekiranya cat air dari tiub. Cat air akan menjadi tebal sekiranya disapu berlapis-lapis. Bahantara yang digunakan ialah air. Kertas yang digunakan ialah kertas cat air. Berus yang sesuai digunakan untuk karya cat air ialah jenis lembut dan bersaiz antara 000 hingga 14. Palet juga

diperlukan untuk membancuh warna. Sebuah bekas seperti gelas atau botol yang bermulut lebar diperlukan untuk mengisi air bersih dan untuk mencuci berus.

Pada kajian ini, pengkaji menghasilkan sebuah karya masjid warisan melayu iaitu Masjid Kg Laut sebagai hasil karya akhir dengan penghasilkan karya seni catan. Pengkaji menggunakan bahan arkrilik diatas kanvas beraiz 3x2 kaki persegi dalam penghasilan seni karya catan nya.



Rajah 2.1 : Yong Mun Seng - Beach Hut, 1949 Watercolour on paper

Kesimpulannya, seni karya catan dapat menghasilkan pelbagai gaya dan memberi pelbagai perasaan kepada audiens. Selain itu, dalam seni catan juga adalah bebas dalam penggunaan media apa sekalipun. Sebagai contoh, Yong Mun Seng adalah bapa seni cat air. Jadi pada rajah 2.1 menunjukkan

salah satu karya cat air yang dihasilkan olehnya yang bertajuk Beach Hut yang dihasilkan diatas kertas pada tahun 1949.

2.4 Artis Rujukan

Antara artis dan pelukis seni yang dapat saya jadikan sebagai rujukan adalah Yong Mun Seng, Abdullah Arif dan Ruzaika Omar Basaree yang membolehkan saya mendapat idea untuk menghasilkan penulisan ini yang berkaitan reka bentuk seni bina masjid warisan Melayu dalam media catan dengan teknik cat air.

2.4.1 Yong Mun Seng

Beliau dikenali sebagai ‘Father of Malaysian Painting’. Walaupun dilatih dalam bidang lukisan berus formal Cina dan kaligrafi di Kwangtung, China. Beliau lebih tertarik pada cat air dan sebagai artis beliau tertarik pada cat air dan seterusnya cat minyak. Mun Seng terkenal dengan lukisan pemandangan dalam cat air yang mempunyai unsur seni China. Namun pengkaji menggunakan teknik dan cara nya dalam menyampaikan pula karya yang dihasilkan berkaitan reka bentuk seni bina masjid.

Sen kembali ke China pada tahun 1914. Lukisannya semasa lawatan ini ditandai dengan tema megah. Dia melukis singa dan harimau, gambar yang sangat terkenal dengan panglima perang pada masa itu. Dia berkahwin dengan Lam Sek Foong pada tahun 1916, dan dia kembali semula ke Sarawak pada tahun 1917. Dia menetap di Pulau Pinang pada tahun 1922, di mana dia mempunyai studio seninya sendiri di Penang Road dan kemudian Northam Road.

Mun Sen terkenal dengan lukisan landskap cat airnya, yang menggabungkan pengaruh dari seni Cina yang menghasilkan komposisi yang lebih lapang dan umum daripada penggambaran yang lebih

terperinci atau faktual. Sejak kematiannya pada tahun 1962, karya-karyanya telah mengekalkan tempat yang penting dan terhormat dalam seni Malaysia.

Dua orang anaknya mengikuti jejaknya, iaitu Cheng Wah dan Kheng Wah, kedua-duanya adalah artis terkenal di media mereka sendiri. Selepas kematiannya pada tahun 1962, karya-karyanya diberi penghormatan dan penghargaan yang tinggi dalam Seni Malaysia.

2.4.2 Abdullah Arif

Dilahirkan pada tahun 1904, Abdullah Ariff adalah salah satu generasi seniman Malaysia yang terawal di mana dia pernah menjadi guru seni di Penang AngloChinese School. Dia adalah seniman mandiri yang pada tahun 1920-an mengajar kelab eksklusif 'Penang Impressionists' yang kebanyakannya terdiri daripada suri rumah Inggeris.

Karya-karyanya telah diakui dan dia dikenali sebagai salah satu pelopor dalam lukisan cat air bersama dengan guru cat air lain seperti Yong Mun Seng di mana jika dibandingkan, karya-karyanya diketahui lebih barat dari segi teknik dan pendekatan. Dia pergi ke Kuala Lumpur pada tahun 1945 ketika dia mulai bekerja dengan The Straits Echo sebagai kartunis di mana dia akan terus aktif dalam politik. Begitu banyak sumbangannya kepada masyarakat sehingga ada nama di Pulau Pinang bernama Jalan Abdullah Ariff. Dia meneruskan usaha seninya kemudian mengambil bahagian dalam pertunjukan kumpulan 'United Society of Artists' pada tahun 1955 di galeri Royal Society of British Artists di London.

Dia meninggal dunia pada tahun 1962, tetapi karya seninya masih hidup. Salah satu lukisannya dipersembahkan kepada Tunku Abdul Rahman semasa perayaan Merdeka pada tahun 1957 sementara lukisannya 'Marketplace' juga dilelong pada harga RM39,000.

2.4.3 Ruzaika Omar Basaree

Ruzaika Omar Basaree merupakan anak kelahiran George Town, Pulau Pinang telah dilahirkan pada tanggal 23 Ogos 1948. Anak kelahiran Pulau Mutiara ini merupakan anak kepada pasangan pelukis kaligrafi negara iaitu Haji Omar Basaree dan Fatimah Abdul Kadir. Dilahirkan dan membesar dalam situasi darurat di Tanah Melayu ketika itu telah menzahirkan kecekalan Ruzaika membentuk jati diri terutamanya dalam bidang pendidikan. Ruzaika melalui zaman persekolahan pertamanya di Sekolah Melayu Dato' Keramat (kini sekolah tersebut dijadikan sebuah pusat bagi kanak kanak terencat akal). Ruzaika menduduki bangku Sekolah Melayu Dato' Keramat pada ketika itu dari tahun 1 hingga tahun 4. Kemudiannya Ruzaika meneruskan Special Malay 1 dan 2 di Northam Road Girl's School (Jalan Sultan Ahmad Shah), George Town.

Selepas tamat Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu / Malaysian Certificate of Education (MCE), pada tahun 1968, Ruzaika telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya di Institut Teknologi Mara (ITM) dalam Kajian Seni Lukis dan Seni Reka. Selepas menamatkan pengajian Diploma Seni Lukis dan Seni Reka di ITM Petaling Garden, Jalan Othman dan Seksyen 17, Petaling Jaya (1968-1972), Ruzaika melanjutkan pelajaran dalam Diploma Perguruan Pengajian Seni selama setahun juga di ITM Petaling Jaya. Setelah tamat pengajian, Ruzaika telah berhijrah ke Dungun, Terengganu selama 7 tahun (1975-1982). Ruzaika menjadi Pensyarah di UITM Dungun, Terengganu pada ketika itu. Kecekalannya menuntut ilmu diteruskandengan melanjutkan pelajaran dalam Sarjana Sastera Pendidikan Seni di Universityof Illinois, Urbana Champaign (USA) selama dua tahun(1982-1984). Pada tahun2003, Ruzaika telah dianugerahkan Doktor Falsafah dengan tesisnya yang bertajuk Art, Mathematics and Philosophy : Geometrical and Cosmological Principles in Traditional Malay Art and Design di Universiti Malaya.

Sepanjang penglibatannya selama 38 tahun yang lalu beliau begitu berminat dengan reka corak motif-motif cantik dan halus yang terdapat pada karya-karya seni ukiran Melayu. Minat itu mula lahir ketika beliau menjadi Pensyarah Kursus Asasi Kajian Seni Lukis dan Seni Reka di kampus cawangan Institut Teknologi Mara, Dungun, Terengganu pada tahun 1975. Pada saat itu, pelukis melalui fasa mencari dan mempersoal hala tuju seni dari sudut asal-usul dan identitinya. Apa yang sebenarnya menjadi pendorong buat pelukis untuk mencari asal-usul dan identiti itu adalah resolusi Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.

Perkembangan dan hala tuju seni pelukis bertitik tolak dari dalam diri dan diinspirasikan oleh warisan tradisi serta budaya tersendiri, tidak lagi meniru aliran-aliran dan gaya-gaya internasionalisme dari luar yang sedang mendominasi arus perdana pada ketika itu. Maka dengan keghairahan dan kecintaan terhadap tradisi ini telah membawa idea pelukis menghasilkan karya berkonsepkan jendela. Pelukis jelas memaparkan ciri-ciri arca dalam karya ‘Siri Dungun’ ini. Karya telah dibuat dan dipasang dengan keseimbangan harmoni dengan menggunakan ukiran-ukiran kayu lama, lalu membangkitkan suasana yang sering dialami di rumah-rumah Melayu tradisional.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Pengkaji menjalankan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif. Bagi kaedah kualitatif ini, dimana pengkaji mengkaji tingkah laku manusia, pemerhatian terhadap apa yang telah berlaku dan dapat dilihat untuk dianalisiskan. Kaedah kajian kualitatif merupakan kaedah pemerhatian, analisis data, temu bual, fotografi serta soal selidik. Manakala data sekunder ialah buku-buku rujukan, internet dan katalog.

Dalam kaedah kualitatif ini, pengkaji memilih kaedah kajian sejarah. Kajian sejarah dijalankan bagi mengkaji kefahaman dan kaedah yang telah dijalankan sebelum-sebelum ini sebagai rujukan. Pengkaji membuat kajian berdasarkan dokumen-dokumen yang telah diperoleh daipada hasil contoh-contoh artikel, buku dan jurnal yang berkaitan dengan perspektif seni bina islam dan reka bentuk masjid warisan melayu.

3.1 Jenis Data

Jenis data dan makumat yang diperoleh daripada pengkaji adalah hasil daripada sumber sekunder.

Data sekunder membantu pengkaji dalam memastikan maklumat yang diterima dan diberikan adalah jelas.

3.1.1 Data Sekunder


Melalui data sekunder, pengkaji memperoleh data dokumen bertulis melalui sumber laman sesawang iaitu daripada contoh tesis yang hampir sama untuk dijadikan rujukan dengan membuat salinan ke atas maklumat yang diperoleh. Selain itu, pengkaji juga memperoleh data dokumen bertulis melalui artikel dan jurnal pada laman sesawang dan dibuat catatan dan salinan ke atas maklumat yang telah diperoleh.

3.2 Alat untuk memperoleh data


Dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan alatan elektronik dan gajet dalam proses mengumpulkan data dalam kajian ini. Antara data yang diperoleh adalah dokumen bertulis daripada artikel, tesis dan buku-buku berkaitan tajuk yang dikaji oleh pengkaji. Maklumat ini diperoleh dengan menggunakan komputer riba dan dilakukan catatan pada buku bagi memudahkan pengkaji mengumpulkan maklumat yang berkaitan.

Selain itu, pengkaji memperoleh gambar-gambar yang telah digunakan oleh artis dalam kajian mereka dan menjadi artis rujukan pada kajian ini. Maklumat dan gambar-gambar ini diperoleh oleh pengkaji melalui carian di laman sesawang dengan menggunakan komputer riba.

3.3 Diagram Carta Alir Kajian Penyelidikan



3.4 Diagram Proses Kajian Penyelidikan



BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membentangkan dapatan kajian dan analisis data berdasarkan kajian yang telah dijalankan dan kaedah kajian yang digunakan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kajian kualitatif dan kajian kuantitatif.

4.2 Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisis data yang telah diterima melalui jawapan yang telah diterima daripada responden. Selain itu, bahagian ini juga akan menentukan samada objektif kajian dapat dicapai ataupun sebaliknya.

4.2.1 Soal Selidik

Penyelidikan yang telah dilakukan bergantung pada tinjauan yang telah dijalankan oleh pengkaji melalui soal selidik di Google Form. Borang soal selidik telah dibuka selama 24jam untuk menerima dan mengumpul maklum balas daripada responden. Google Form ini telah dihantar melalui aplikasi di media sosial, iaitu di aplikasi Whatsapp dan Instagram.

Bilangan Responden = 25 Orang


Durasi Tinjauan Soal Selidik = 24 jam

Bilangan Soalan = 10 Soalan

Platform yang digunakan oleh Responden = Google Form


4.2.1.1

Latar Belakang responden



Carta 4.1 : Peratusan berdasarkan jantina.

Melalui carta 4.1, pengkaji dapat menyedari bahawa kuantiti responden perempuan adalah sebanyak 78.9% daripada jumlah keseluruhan responden. Kemudian, baki sebanyak 21.1% pula adalah jumlah responden lelaki.



Carta 4.2 : Peratusan berdasarkan kategori umur.

Menurut carta 4.2, responden yang telah terlibat dikategorikan mengikut 3 kelas usia. Kelas kategori umur yang pertama adalah pengumpulan individu dalam lingkungan 18 sehingga 21 tahun. Pada klasifikasi kedua pula adalah responden yang berumur diantara 22 sehingga 25 tahun, manakala klasifikasi umur yang seterusnya adalah diantara 26 sehingga 29 tahun.

Jika dapat dilihat pada rajah 4.2, kuantiti responden dibawah klasifikasi kelas pertama yang merupakan skop umur diantara 18 sehingga 21 tahun adalah sebanyak 5.6 % pada angka tersebut. Pada kelas kedua pula adalah kumpulan usia 22 sehingga 25 tahun yang mempunyai peratusan sebaanyak 66.7% dimana merupakan jumlah kumpulan umur responden yang paling tinggi. Yang terakhir pula iaitu responden diantara kumpulan umur 26 sehingga 29 tahun mempunyai peratusan sebanyak 27.8%.

4.2.1.2 Perspektif Seni Bina Islam



Carta 4.3 : Peratusan berdasarkan soalan “ Berikan kefahaman anda tentang Seni Bina Islam”

Berdasarkan carta 4.3, responden telah diberikan soalan yang memerlukan mereka untuk memilih berkaitan kefahaman anda tentang seni bina islam. Memadangkan responden yang terlibat semuanya tergolong dalam responden yang beragama islam, kebanyakannya mereka faham tentang seni bina islam.

Merujuk kepada keputusan tinjauan pada carta 4.3, 12.5% responden berada pada pilihan yang pertama iaitu baik. Sebanyak 58.3% pula responden memilih tahap kefahaman yang kedua bermakna kefahaman yang semakin baik berbanding di tahap 1.

Akhir sekali, responden yang mempunyai tahap kefahaman yang sangat baik berkaitan seni bina islam adalah sebanyak 29.2% daripada jumlah keseluruhan.

Nyatakan minat anda terhadap seni bina islam.



Carta 4.4 : Peratusan berdasarkan soalan “Nyatakan minat anda terhadap seni bina islam”

Berdasarkan carta 4.4, berkaitan soalan yang memerlukan responden untuk menyatakan minat responden terhadap seni bina islam. Merujuk kepada keputusan daripada tinjauan pada carta diatas adaah 0% bagi pilihan jawapan pada tahap yang pertama.

Selain itu, sebanyak 29.2% pula responden yang memilih untuk berada pada minat mereka kepada seni bina islam di tahap yang kedua. Akhir sekali, adalah sebanyak 70.8% responden pula telah menjawab sangat baik pada minat mereka terhadap seni bina islam. jadi, jelaslah bahawa rata-rata responden mempunyai minat yang tinggi terhadap seni bina islam.

Seni bina islam dapat menarik minat semua orang, samada islam / bukan islam.




Carta 4.5 : Peratusan berdasarkan soalan “Seni bina islam dapat menarik minat semua orang, samada islam/bukan islam”

Berdasarkan carta 4.5 diatas, responden diberikan soalan tentang “seni bina islam dapat menarik minat semua orang samada islam atau bukan islam. Pilihan jawapan pada soalan ini adalah setuju pada tahap 1 sehingga tahap ketiga iaitu sangat setuju.

Pada tahap 1, sebanyak 0% pada pilihan jawapan ditahap ini iaitu tiada seorang pun responden yang menjawab setuju pada tahap yang pertama. Selain itu, pada tahap kedua pula, sebanya 20.8% responden yang memilih pada pilihan jawapan ditahap yang kedua yang bererti mereka makin bersetuju dengan pendapat yang telah diusul oleh pengkaji.

Akhir sekali adalah pilihan jawapan daripada responden yang paling tinggi iaitu sebanyak 79.2%. Hal ini dapat dirumuskan bahawa, ramai responden yang bersetuju bahawa seni bina islam yang indah dan unik ini mampu menarik minat semua orang termasuk orang bukan islam.

Anda dapat memahami tentang unsur penting dalam penghasilan karya yang berunsurkan seni bina islam.




Carta 4.6 : Peratusan berdasarkan soalan “Anda dapat memahami tentang unsur penting dalam penghasilan karya yang berunsurkan seni bina islam”

Berdasarkan carta 4.6 diatas, responden telah ditanya dengan soalan “Anda dapat memahami tentang unsur penting dalam penghasilan karya yang berunsurkan seni bina islam”. Responden perlu memilih pilihan jawapan baik ditahap pertama sehingga tahap ketiga iaitu sangat baik.

Pada tahap pertama, sebanyak 4.2% responden telah memilih di tahap 1. Seterusnya sebanyak 45.8% pula responden berada pada tahap kedua. Hal ini menunjukkan bahawa responden dapat memahami tentang unsur penting dalam penghasilan karya yang berunsurkan seni bina islam.

Akhir sekali, separuh daripada jumlah keseluruhan sebanyak 50% bilangan responden pula adalah berada pada tahap ketiga iaitu sangat baik.

4.2.1.3 Reka Bentuk Masjid Warisan Melayu




Rajah 4.1 : Jumlah bagi soalan “Reka bentuk masjid pada waktu dahulu adalah sama dengan reka bentuk masjid pada hari ini.

Berdasarkan rajah 4.1 diatas, responden diberikan soalan “Reka bentuk masjid pada waktu dahulu adalah sama dengan reka bentuk masjid pada hari ini. Responden diberi pilihan jawapan samada mereka sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju.

Merujuk kepada keputusan tinjauan, tiada seorang pun responden yang memilih jawapan tidak setuju Selain itu, responden yang telah menjawab tidak setuju pula adalah jumlah yang paling tinggi.


Seterusnya, keputusan tinjauan jumlah responden yang kedua tinggi pula adalah pada jawapan setuju. Akhir sekali, bagi pilihan jawapan sangat setuju pula adalah pada jumlah paling rendah daripada jumlah keseluruhan jumlah responden.



Rajah 4.2 : Jumlah bagi soalan " Reka bentuk sesebuah masjid mempengaruhi masyarakat untuk datang ke masjid"

Berdasarkan rajah 4.2, responden diberi soalan " Reka bentuk sesebuah masjid mempengaruhi masyarakat untuk datang ke masjid". Mengikut jawapan yang diterima dari tinjauan daripada responden, jumlah responden yang menjawab sangat tidak setuju adalah tiada.


Seterusnya, jumlah responden yang menjawab tidak setuju pula adalah paling rendah. Bagi hasil jumlah daripada tinjauan, pengkaji dapat meihat bahawa jumlah pilihan yang paling tinggi adalah pada jawpan setuju manakala pada jawapan sangat setuju pula merupakan jumlah yang kedua tinggi.



Rajah 4.3 : Jumlah bagi soalan “Reka bentuk sesebuah masjid dapat menarik minat masyarakat islam dan bukan islam untuk menghayati keindahannya dari luar dan dalam”.

Berdasarkan rajah 4.3, responden telah diberikan soalan “Reka bentuk sesebuah masjid dapat menarik minat masyarakat islam dan bukan islam untuk menghayati keindahannya dari luar dan dalam”.

Berdasarkan hasil tinjauan, pengkaji mendapati bahawa jumlah responden yang memilih sangat tidak setuju adalah tiada. Selain itu, pada pilihan jawapan tidak setuju pula meruapakan jumlah responden yang paling rendah, manakala jumlah responden yang setuju pula merupakan jumlah yang paling tinggi. Akhir sekali, jumlah responden yang memilih jawapan sangat setuju pula adalah kedua tinggi.



Rajah 4.4 : Jumlah bagi soalan “Reka bentuk masjid perlulah mengekalkan reka bentuk yang berasaskan Warisan Melayu”

Berdasarkan rajah 4.4, responden telah diberikan soalan “Reka bentuk masjid perlulah mengekalkan reka bentuk yang berasaskan Warisan Melayu”. Berdasarkan hasil tinjauan, pengkaji dapat melihat bahawa responden yang menjawab pada pilihan jawapan yang paling tinggi adalah pada jawapan sangat setuju manakala pada jumlah keputusan yang paling rendah pula adalah pada pilihan jawapan tidak setuju. Selain itu, pada jawapan sangat tidak setuju adalah jumlah kedua rendah dan pada pilihan setuju pula adalah kedua tinggi.

Secara keseluruhan, responden telah diberikan soalan berkaitan perspektif seni bina islam dan reka bentuk masjid Warisan Melayu. Berdasarkan keputusan yang diterima, kefahaman mereka terhadap isu yang ditanya adalah pada paras baik. Reka bentuk masjid Warisan Melayu ini sebenarnya dapat menarik minat sesiapa sahaja yang melihatnya kerana ia mempunyai keindahan dan keunikannya tersendiri. Bagi pendapat pengkaji, tidak salah jika reka bentuk masjid dapat dikekalkan dengan berdasarkan Warisan Melayu dahulu kerana ia adalah sesuatu yang patut dibanggakan.



4.3 Proses Penghasilan Karya

4.3.1 Subjek Matter

Subjek adalah amat penting untuk dipilih dan perlu mengkaji lebih jauh tentang sesuatu subjek tersebut sebelum menjalankan kajian tersebut. Perkara utama yang dipilih dalam kajian ini adalah Masjid Kg Laut.

Menurut cerita lisan tradisi, berabad-abad dahulu, para mubaligh belayar ke sepanjang kepulauan Melayu untuk menyebarkan agama Islam. Pada tahun 1730-an, sekumpulan mubaligh melalui pantai Timur Semenanjung Malaysia dalam perjalanan mereka ke Pattani di Thailand Selatan ke Jawa di Indonesia. Malangnya perahu mereka bocor dan mengalami kesulitan. Para mubaligh dalam perahu itu bersumpah bahawa kalau mereka dibawa ke pantai dengan selamat, mereka akan membina sebuah masjid dengan serta merta untuk memperingati peristiwa itu. Doa mereka dikabulkan, dan para mubaligh mendarat di Kampung Laut, Tumpat.

Masjid yang asal bukannya apa yang dilihat pada hari ini. Ia merupakan sebuah struktur asas dengan hanya empat tiang yang menyangga bumbung tiga tingkat yang diperbuat daripada daun rumbia. Keluasannya hanya 400 kaki persegi pada keseluruhannya. Pada akhir abad ke-19, masjid ini menjadi satu pusat agama yang penting dan masjid itu diperbesar untuk merangkumi bilik sembahyang tambahan, peran, serambi dan menara. 20 batang tiang dibina untuk menyangga binaan tambahan ini. Binaan tambahan ini menggunakan teknik ‘Tebuk Pasak’ yang amat unik. Ia dibina daripada kayu tetapi tidak menggunakan walau sepucuk paku sekalipun. Atap daun rumbianya digantikan dengan atap genting.

4.3.2 Konsep Reka Bentuk

Masjid ini dibina dengan unsur seni bina Nusantara. Pada awalnya ia merupakan sebuah struktur asas dengan hanya empat tiang yang menyangga bumbung tiga tingkat yang diperbuat daripada daun rumbia. Keluasanya hanya 400 kaki persegi. Pada akhir abad ke-19, masjid ini menjadi satu pusat agama yang penting, dan masjid itu diperbesar untuk merangkumi bilik sembahyang tambahan, peran, serambi, dan menara. 20 batang tiang dibina untuk menyangga binaan tambahan ini.

Binaan tambahan ini menggunakan teknik 'Tebuk-Pasak' yang amat unik. Ia dibina daripada kayu tetapi tidak menggunakan walau sepucuk paku sekalipun. Atap daun rumbianya ditukarkan kepada atap genting kerana atap genting lebih kukuh daripada atap rumbia. Malangnya, asas masjid itu lemah. Dibina di tebing sungai, masjid itu sering dilanda oleh banjir kilat seperti banjir tahun 1926 yang dikenali sebagai ‘Bah Air Merah’ yang melemahkan lagi asasnya. Selepas dilanda sekali lagi oleh banjir yang teruk pada tahun 1966 yang menghanyutkan sebahagian masjid itu, Persatuan Sejarah Malaysia mencadangkan pemindahan masjid itu ke tempat yang lebih selamat.

Konsep yang telah dipilih oleh pengkaji adalah dengan menekankan tentang pandangan perspektif pada Masjid Kg Laut. Pengkaji telah memilih persepektif masjid dari pandangan sisi untuk dijadikan karya diatas kanvas.

Pada karya tersebut, pengkaji telah menghasilkan lukisan sebuah masjid warisan atau tradisional yang dindingnya berasaskan kayu. Pengkaji menghasilkan bentuk dan corak kayu dengan menggunakan teknik yang tertentu

4.3.3 Bahan Yang Digunakan

Bahan yang telah digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan karya masjid warisan Masjid Kg Laut adalah kanvas bersaiz 2x3 kaki dan warna asas akrilik. Selain itu, pengkaji juga menyediakan plate untuk membancuh warna dan mencampurkan warna asas bagi mendapatkan warna-warna tertentu. Pengkaji juga menggunakan berus pelbagai saiz bagi memudahkannya untuk mencipta pelbagai saiz garisan dan juga menyediakan bekas untuk mencuci berus.



Rajah 4.5 : Kanvas bersaiz 2x3 kaki.



Rajah 4.6 : Warna Akrilik yang telah digunakan.



Rajah 4.7 : Plate untuk membancuh dan mencampurkan warna.




Rajah 4.8 : Berus pelbagai saiz.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.4 Lakaran awal

Pada peringkat ini, pengkaji menghasilkan lakaran pemikiran atau idea gambaran awal bentuk masjid yang akan dihasilkan. Idea telah ditambah baik setelah mengumpulkan idea-idea sebelum menghasilkan karya akhir. Pengkaji telah membuat lakaran menggunakan pesil pada awalnya, kemudian, ditambah baik dengan menggunakan marker dan juga highlighter sehingga ke lakaran akhir.



Rajah 4.9 : Perkembangan idea.



Rajah 4.10 : Lakaran Akhir.

4.4 Hasil Karya Akhir

Berdasarkan hasil daripada lakaran yang telah dibuat, pengkaji telah mengenalpasti bahawa jika warna yang digunakan adalah mencukupi dan matang, sesebuah karya tersebut akan menjadi lebih jelas bahkan menampakkan lebih menarik. Warna yang digunakan oleh pengkaji adalah penggunaan warna lembut dahulu, kemudian ditambah dan dicampurkan dengan warna crah sehingga menampakkan objek kayu pada dinding dengan jelas. Rajah dibawah merupakan hasil daripada karya akhir yang telah dihasilkan. Pengkaji menghasilkan karya gaya realisme berkaitan Masjid Kg Laut. Konsep yang telah dipilih oleh pengkaji adalah dengan menekankan tentang pandangan perspektif pada Masjid Kg Laut. Pengkaji telah memilih persepektif masjid dari pandangan sisi untuk dijadikan karya diatas kanvas. Pada karya tersebut, pengkaji telah menghasilkan lukisan sebuah masjid warisan atau tradisional yang dindingnya berasaskan kayu. Pengkaji menghasilkan bentuk dan corak kayu dengan menggunakan teknik yang tertentu



Rajah 4.11 : Karya Akhir Masjid Kg Laut.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini merupakan bahagian yang terakhir yang telah dijalankan oleh pengkaji. Semua hasil kajian dijawab dalam bahagian ini samada kajian ini dapat menjawab segala objektif atau persoalan yang telah diberi atau tidak. Rumusan atau cadangan juga dibincangkan pada bahagian ini bagi meningkatkan idea dan memberi cadangan kepada pereka yang akan datang. Bahagian ini menceritakan tentang tajuk kajian reka bentuk seni bina masjid warisan Melayu, Masjid Kg Laut, Kelantan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai.

5.2 Kesimpulan

Penyelidikan ini bukan sahaja dapat menjawab segala objektif dan persoalan kajian, malah ia juga dapat membuka minda semua orang bahawa tidak salah jika masjid warisan ini dapat dikekalkan lebih lama lagi. Dalam penulisan ini pengkaji menyatakan bagaimana warisan melayu dapat ditonjolkan dalam reka bentuk yang ada pada masjid. Reka bentuk ini dapat ditunjukkan melalui hasil pembuatan yang menggunakan kayu pada keseluruhan bahagian masjid. Reka bentuk masjid tidak pernah ditetapkan dan ditentukan jenis rupa dan reka bentuknya, namun bergantung kepada permintaan daripada pemilik dan juga hasil daripada pereka. Jadi pada kajian kali ini saya menekankan konsep dimana reka bentuk sebuah masjid yang menggunakan kayu dan papan jelas menunjukkan reka bentuk warisan melayu pada masjid.

Bagi menjawab persoalan kajian, seni warisan melayu dapat ditonjolkan dalam reka bentuk seni bina masjid bukan sahaja pada hasil seni ukirannya, malah dapat dilihat juga melalui unsur yang digunakan dalam pembinaannya. Sebagai contoh, masjid Kg Laut ini yang menggunakan kayu dan papan pada pembinaannya seperti dinding dan lantai.

Pada awalnya masjid ini lebih jelas warisannya apabila menggunakan daun nipah untuk dijadikan sebagai atap, tidak menggunakan paku dalam penghasilannya dan banyak lagi. Namun, masjid ini telah dipindahkan ke Nilam puri akibat daripada berlaku kerosakan yang teruk selepas terlibat dalam bencana banjir.

Selain itu, sebab-sebab yang jelas dan tepat yang telah memberi pengaruh kepada reka bentuk sesebuah masjid juga adalah cara pembinaannya dan juga alat yang digunakan dalam pembinaannya. Masjid sebagai pusat ibadah kepada Tuhan Yang Maha Esa dan pusat kemasyarakatan seharusnya disulami dengan elemen-elemen semulajadi (Imriyanti, 2013). Ajaran Islam yang menganjurkan umatnya meminimumkan kemusnahan alam sekitar, mengelak pembaziran dan menjaga kesihatan perlu menjadi doktrin utama jemaah dan masyarakat sekeliling. Penghayatan ajaran Islam adalah menyeluruh bukan sahaja tertumpu kepada ibadah semata-mata malah menjaga persekitaran alam sekeliling merupakan tuntutan yang harus diberi penekanan.

UNIVERSITI
KELANTAN

Rujukan

Noor Hafizah Ismail, November 23

https://www.researchgate.net/publication/305285933_Keindahan_rekabentuk_masjid_melayu

Azzahra Rahmah, August 7, 2020

<https://rumus.co.id/realisme/>

Cikgu Mohd Hafis S., Desember 23, 2015

<http://cikguhafizsenivisual.blogspot.com/2015/12/info-seni-catan-sejarah-aliran-seni.html>

Kamarul Afizi Kosman Dan Nik Luqman Ibrahim Sari 25 (2007) 279-290

http://jurnalarticle.ukm.my/1112/1/Nota_Penelidikan-Identiti_Seni_Bina_Malaysia.pdf

Didik Maryono, Februari 21, 2018

<https://ilmuseni.com/seni-rupa/lukis/seni-lukis-aliran-realisme>

Mohd Firrdaus Mohd Sahabuddin, Mei 29, 2016

<https://www.majalahsains.com/dilema-rekabentuk-masjid-di-malaysia/>

Che Din, July 30, 2019

<https://orangkata.my/agama/sebenarnya-ada-beberapa-masjid-yang-mempunyai-reka-bentuk-liberal/>

Muhafandi Muhamad, September 14, 2020

<https://www.google.com.my/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/masjid-kampung-laut-dipindah-ke-lokasi-asal-259456%3famp=1>

Rosliza Mohamed, September 15, 2020

<https://www.utusan.com.my/nasional/2020/09/masjid-kampung-laut-kembali-ke-tapak-asal/>

Hazira Ahmad Zaidi, September, 14, 2020

<https://www.google.com.my/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2020/09/620532/masjid-400-tahun-akan-dipindah-ke-lokasi-asal>

Cikgu Sharifah, April 5, 2013

<http://cikgusharifahofficial.blogspot.com/2013/04/apa-itu-catan.html?m=1>

http://studentsrepo.um.edu.my/5957/1/BAB_2_RUANG_DALAMAN_MASJID_TRADISIONAL_KOMPONEN_RUANG_DAN_HIASAN.pdf

<https://core.ac.uk/download/11490226.pdf>

https://www.google.com/?client=safari&channel=ipad_bm

https://www.researchgate.net/publication/305285933_Keindahan_rekabentuk_masjid_melayu

<http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/download/285/163>

https://ms.wikipedia.org/wiki/Seni_bina_Islam